

14/08/1999

Kempen hijaukan bandar tiada sambutan

IPOH, Jumaat - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak berpuas hati dengan kegagalan kebanyakan negeri melaksanakan kempen menanam pokok secara berkesan tahun ini, dengan hanya dua negeri mencapai tahap 50 peratus.

Menterinya, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata kegagalan negeri terbabit berbuat demikian mungkin menjejaskan matlamat kementerian bagi menanam tiga juta pokok menjelang akhir tahun 2000.

Berikutan itu, katanya, Jabatan Lanskap Negara yang mengendalikan kempen itu mungkin terpaksa menarik geran tahunan kepada negeri dan pihak berkuasa tempatan yang masih didapati gagal melaksanakan kempen itu dengan berkesan selepas diberi ingatan dan nasihat.

Beliau berkata, antara Januari dan Jun lalu, dua negeri 'kecil' yang tidak dinamakannya gagal menghantar langsung laporan bulanan biasanya tiga bulan sekali seperti diarahkan.

Dalam tempoh itu, hanya 158,560 pokok ditanam iaitu 21.14 peratus daripada sasaran 750,000 setahun bagi tahun ini dengan hanya dua negeri iaitu, Selangor dan Terengganu mencapai matlamat 50 peratus penanaman.

"Dua negeri 'kecil' yang tidak ramai penduduk langsung tidak menghantar laporan bulanan manakala negeri lain mencapai sasaran 20 peratus penanaman.

"Sejak dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Mac 1997, sejumlah 672,672 pokok ditanam tahun itu iaitu pencapaian 89.7 peratus daripada sasaran 750,000 setahun.

"Pada tahun lalu, sejumlah 1.12 juta pokok ditanam iaitu pencapaian 149 peratus dan dianggap cukup baik.

"Saya rasa kegawatan ekonomi menjejaskan kempen itu tahun ini selain sikap sesetengah negeri yang mungkin sudah selesai dengan jumlah pokok yang ditanam tahun lalu," katanya selepas melancarkan program sumbangan akhbar kepada lima sekolah aliran Cina di Simpang Pulai, dekat sini, hari ini.

Dr Ting yang juga ahli Parlimen Gopeng berkata, biasanya setiap negeri menetapkan sasaran berbeza mengikut jumlah penduduk, misalnya Johor 80,000 pokok dan Wilayah Persekutuan Labuan, 5,000 pokok.

Beliau berkata, sasaran tiga juta pokok menjelang tahun depan adalah mengikut nisbah 15 peratus penduduk negara ini yang mana kerjasama mereka perlu untuk menjayakan kempen itu.

Dalam pada itu, beliau berkata, kegiatan mencuri pokok hiasan yang ditanam menerusi kempen itu seperti di ibu negara turut menjejaskan matlamat kementerian.

(END)